

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD
[SHAH ALAM]

TARIKH : 8.3.2016

SOALAN :

Tuan Haji Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan dasar Kerajaan terhadap sekolah-sekolah antarabangsa dan jumlah bilangan sekolah tersebut di seluruh negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sekolah antarabangsa ialah institusi pendidikan yang menawarkan program pendidikan peringkat tadika, rendah, menengah dan lepasan menengah dengan menggunakan kurikulum negara luar serta menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar. Melalui Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bilangan 1 Tahun 2012 bertarikh 18 Jun 2012, dasar kemasukan murid warganegara ke sekolah antarabangsa, memperuntukkan tiada kuota ditetapkan ke atas pengambilan murid warganegara ke sekolah tersebut. KPM telah mengeluarkan Garis Panduan Kemasukan Murid Warganegara Ke Sekolah Antarabangsa yang perlu dipatuhi bersama-sama dengan SPI tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Januari 2016, KPM telah mendaftarkan sebanyak 116 buah sekolah antarabangsa dengan bilangan murid sebanyak 50,581. Daripada jumlah itu, 28,797 adalah warganegara manakala selebihnya 21,784 adalah bukan warganegara.

RJM01

SOALAN (21)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 8 MAC 2016
[SELASA]**

**DARIPADA : Y.B. DATO' SRI HASAN BIN MALEK
[KUALA PILAH]**

SOALAN :-

Y.B. DATO' SRI HASAN BIN MALEK [KUALA PILAH] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi mengekang kenaikan harga rumah yang di luar jangkaan pada hari ini. Sewajarnya pihak Kerajaan menetapkan 'harga siling' bagi harga jualan rumah agar tidak membebankan rakyat dan menyekat pemaju yang rakus mengambil keuntungan yang melampau.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan memandang serius isu kenaikan harga rumah terutama jika ianya disebabkan oleh aktiviti spekulasi. Justeru itu, bagi mengawal dan menstabilkan keadaan tersebut Kerajaan telah melaksanakan langkah-langkah kawalan seperti berikut:

- a) Menaikkan kadar Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) mulai Januari 2014;
- b) Menaikkan harga jualan minimum rumah yang boleh dibeli oleh warga asing kepada RM1 Juta seunit;
- c) Mensyaratkan pemaju untuk mempamerkan ketelusan harga jualan hartanah secara terperinci termasuk semua manfaat / insentif yang bakal diberikan kepada pembeli;
- d) Melarang pemaju melaksanakan kaedah pemasaran berasaskan *Developer Interest Bearing Scheme* (DIBS) yang dikhuatiri boleh mengelirukan dan seterusnya memanipulasi pembeli rumah;

- e) Mewajibkan semua pemaju untuk melaporkan pembelian pukal yang melebihi 4 unit harta tanah dalam satu pemajuan oleh mana-mana individu mahupun syarikat; dan
- f) Mengeluarkan panduan mengenai *Loan To Value* (LTV) bagi pembelian rumah ketiga dan seterusnya di mana pembeli hanya akan memperoleh pinjaman maksima 70% sahaja. Selebihnya perlu ditanggung sendiri.

Berkenaan dengan cadangan supaya penetapan harga siling harta tanah pula, perkara ini telah dilaksanakan di peringkat Kerajaan Negeri menerusi penetapan harga jualan dalam Dasar Perumahan Negeri masing-masing.

Selain itu, menerusi Bajet 2016 yang lalu Kerajaan juga telah memperkenalkan Skim Pembiayaan Deposit Rumah Pertama di bawah KPKT. Langkah ini dilihat dapat mengurangkan bebanan rakyat dalam menampung bayaran deposit bagi pembelian Rumah Mampu Milik.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mac 2016